

SIRI 4

REVOLUSI BAHASA DAN ASAS TAMADUN

KERAJAAN TERAWAL DAN BAHASA PARA NABI: SEKILAS PANDANG TERHADAP KAUM 'AD DAN THAMUD

Prof. Dr. Solehah Yaacob
Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences
International Islamic University Malaysia

Siri 4: 22 Mei 2020

Tajuk: Kerajaan Terawal dan Bahasa Para Nabi: sekilas pandang terhadap kaum 'Ad dan Thamud

<https://www.facebook.com/pkpimalaysia/videos/974394253014908?vh=e&d=n&sfns=mo>


Siri 4: <https://youtu.be/1Pv73sX6N98>


SEKILAS PANDANG TERHADAP KAUM 'AD DAN THAMUD

Kaum 'Ad dan Thamud merupakan bangsa Arab Baidah (*the lost Arab*) yang berasal daripada keturunan Aram. Dalam al-Quran ada disebut tentang kebinasaan yang menimpa mereka kerana ingkar dengan perintah Tuhan. Kejadian yang menimpa mereka ini dirakam beberapa kali dalam al-Quran. Persoalannya, adakah kaum 'Ad dan Thamud berbangsa Arab sehingga dikenali sebagai *the Lost Arab*. Sekiranya mereka berasal daripada keturunan Aram bin Sam bin Nuh, maka siapakah bapa mereka yang sebenar? Hal ini disebabkan terdapat beberapa maklumat yang terpadam di atas peta genealogi anak cucu Sam ini. Mengikut beberapa pandangan ahli sejarah nasab (keturunan nabi-nabi), kebanyakan nama yang tidak tersenarai atau ditukar kedudukannya atau disebut dengan nama yang berlainan, memberikan

masalah besar kepada generasi baharu yang ingin mengkaji asal usul keturunan bangsa manusia pada peringkat awal. Mengapakah ini terjadi? Antaranya termasuklah perubahan sebutan “lingua” dalam kalangan mereka yang mencatat maklumat nasab ini atau memang ada unsur ingin mengubah maklumat sejarah atas kepentingan peribadi oleh sesuatu pihak. Pada hakikatnya, Genesis tidak menyebut dengan terperinci nama anak cucu Nabi Nuh ini, begitu juga dengan al-Quran dan Injil. Walau bagaimanapun, perincian tentang maklumat dan asal usul anak cucu Nabi Nuh ini disebut dalam kitab kuno Yahudi dan kitab lama Arab. Mengikut pandangan mereka, perkataan “Aram” hanya disebut dalam Genesis tetapi ahli sejarah nasab (keturunan) menyebutnya sebagai “Iram”. Perubahan perkataan seperti ini sudah tentunya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca. Begitu juga antara Arfakhshad (anak Sam bin Nuh) dengan Shalikh (cucu Sam bin Nuh, anak Arfakhshad), terdapat nama yang dihilangkan, iaitu Qinan yang tidak disebut dalam kitab Yahudi kerana kafir dan mengaku dirinya tuhan (At-Tabari, 2005; 1:127, Abu al-Fida’, t.th.: 31). Perbincangan yang agak serius bermula selepas Shalikh, pihak pendeta Yahudi percaya bahawa Abir/Aybar bin Shalikh ialah keturunan asal Nabi Ibrahim a.s. dan atas sebab inilah mereka mendakwa Nabi Ibrahim a.s. berasal dari Ibrani. Jika dilihat jadual genealogi seperti Rajah 3.12, maka dakwaan mereka memang tidak masuk akal.

Dakwaan yang mengatakan bahawa Sarai/Sarah ialah anak pembesar Judah adalah tidak tepat bahkan beliau merupakan anak kepada saudara Nabi Ibrahim a.s., iaitu Haran. Nabi Lut a.s. pula merupakan adik-beradik Sarah (Abu al-Fida', *al-mukhtasar fi akhbar al-basyar*, t.t, hlm.13). Sekiranya ini benar maka hal ini merupakan satu anjakan paradigma dalam mengkaji sejarah nabi-nabi, dan perlu dibangkitkan semula dalam bentuk ilmiah yang bersandarkan bukti yang tepat. Justeru, kebolehan memahami bahasa-bahasa tua dunia, antaranya termasuklah Akkadi, Assyuria, Kan'an, Phoenic, Arab, Aramaik dan Hebrew merupakan asas dalam memahami fakta yang betul dan tepat. Tanpa kemampuan itu sudah pasti pengkaji sejarah akan merujuk sumber yang menggunakan tulisan dan kefahaman bukan daripada bahasa utama. Hasilnya nanti dengan kefahaman yang singkat, penterjemah akan menjadikannya sebagai rujukan asas dna sudah pasti akan mencampuradukkan bahan asal dengan kefahaman peribadinya.





Rajah 3.12 Salasilah daripada Sam bin Nuh a.s.

Sumber: Jawad Ali (1976, *Al-Mufasssal fi Tarikh al-Arab Qabla al-Islam* dan Abu Fida', t.th., *Al-Mukhtasar fi Akhbar al-Basyar*).